



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBERSIH PEJABAT (F.1-2-3 EB.4)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEMBERSIH PEJABAT
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Lulus Tingkatan Satu atau sebanding
2. Tinggal di kawasan yang berdekatan adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

1. Membersihkan lobi (*lobby*) dan bilik-bilik pejabat yang terdapat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri / Bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas;
2. Mengutip sampah di setiap bilik-bilik dan mengumpulkannya untuk diangkat ke tempat pembuangan sampah yang dikhaskan;
3. Menyediakan minuman dan makanan untuk mesyuarat yang diadakan dalam Kementerian / Bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas secara bergilir-gilir;
4. Mencuci peralatan dapur serta menyediakan minuman dan makanan untuk mesyuarat;
5. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar waktu bekerja; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan.